



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 07 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Penubuhan JPKK penyelesaian terbaik tangani isu keselamatan, kebajikan kanak-kanak</b>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/06/penubuhan-jpkk-penyelesaian-terbaik-tangani-isu-keselamatan-kebajikan-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/2024/08/06/penubuhan-jpkk-penyelesaian-terbaik-tangani-isu-keselamatan-kebajikan-kanak-kanak/</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/714554">https://www.malaysiakini.com/news/714554</a>  <a href="https://buletin.my/artikel/151867">https://buletin.my/artikel/151867</a>  <a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/06/kanak-kanak-perlu-perlindungan-meningkat-drastik-tahun-lalu/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/06/kanak-kanak-perlu-perlindungan-meningkat-drastik-tahun-lalu/</a>	Malaysia Gazette  Malaysia Kini  Buletin  FMT	Positif
2.	<b>KPWKM bawa isu JKNS pendekkan cuti bersalin ke mesyuarat Kabinet esok</b>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1281316/kpwkm-bawa-isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1281316/kpwkm-bawa-isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119624/isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet-esok-nancy">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119624/isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet-esok-nancy</a>  <a href="https://codeblue.galencentre.org/2024/08/06/maternity-leave-mandatory-90-days-womens-minister-tells-health-ministry/">https://codeblue.galencentre.org/2024/08/06/maternity-leave-mandatory-90-days-womens-minister-tells-health-ministry/</a>  <a href="https://www.malaysiakini.com/news/714534">https://www.malaysiakini.com/news/714534</a>	Berita Harian  Harian Metro  Code Blue  Malaysia Kini	Neutral

	<p><a href="https://media-perpaduan.com/2024/08/06/kpwkm-bawa-isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet-esok-nancy-shukri/">https://media-perpaduan.com/2024/08/06/kpwkm-bawa-isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet-esok-nancy-shukri/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/06/isu-pegawai-perubahan-dihadkan-cuti-bersalin-60-hari-dibawa-ke-kabinet/">https://malaysiagazette.com/2024/08/06/isu-pegawai-perubahan-dihadkan-cuti-bersalin-60-hari-dibawa-ke-kabinet/</a></p> <p><a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1281316/kpwkm-bawa-isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1281316/kpwkm-bawa-isu-jkns-pendekkan-cuti-bersalin-ke-mesyuarat-kabinet</a></p>	<p>Media Perpaduan</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p>	
3.	<p><b>Keputusan luluskan cuti bersalin 60 hari tak langgar peraturan – KPPA</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/1281435/keputusan-luluskan-cuti-bersalin-60-hari-tak-langgar-peraturan-kppa">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/08/1281435/keputusan-luluskan-cuti-bersalin-60-hari-tak-langgar-peraturan-kppa</a></p>	<p>Berita Harian</p>	Neutral
4.	<p><b>Urgent need to focus on early childhood education</b></p> <p><a href="https://thesun.my/education/urgent-need-to-focus-on-early-childhood-education-GJ12821531#google_vignette">https://thesun.my/education/urgent-need-to-focus-on-early-childhood-education-GJ12821531#google_vignette</a></p>	<p>The Sun</p>	Neutral
5.	<p><b>Kanak-kanak 12 tahun pandu kereta, bapa dituduh esok</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119628/kanak-kanak-12-tahun-pandu-kereta-bapa-dituduh-esok#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119628/kanak-kanak-12-tahun-pandu-kereta-bapa-dituduh-esok#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678914/berita/semasa/tular-pandu-kereta-bapa-anak-12-tahun-didakwa-di-mahkamah-esok">https://www.sinarharian.com.my/article/678914/berita/semasa/tular-pandu-kereta-bapa-anak-12-tahun-didakwa-di-mahkamah-esok</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
6.	<p><b>Polis siasat motif culik kanak-kanak mungkin kerana pedofilia</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119529/polis-siasat-motif-culik-kanak-kanak-mungkin-kerana-pedofilia">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119529/polis-siasat-motif-culik-kanak-kanak-mungkin-kerana-pedofilia</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/kes-culik-kanak-kanak-polis-siasat-motif-termasuk-kemungkinan-suspek-pedofilia-KJ12823678">https://thesun.my/cerita/berita/kes-culik-kanak-kanak-polis-siasat-motif-termasuk-kemungkinan-suspek-pedofilia-KJ12823678</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p>	Neutral

	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2326057">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2326057</a>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/06/polis-siasat-suspek-culik-kanak-kanak-perempuan-mungkin-pedofilia/">https://malaysiagazette.com/2024/08/06/polis-siasat-suspek-culik-kanak-kanak-perempuan-mungkin-pedofilia/</a>	<p>Bernama</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
7.	<p><b>Penuntut kolej didakwa amang seksual bayi perempuan 10 bulan</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/06/penuntut-kolej-didakwa-amang-seksual-bayi-perempuan-10-bulan/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/08/06/penuntut-kolej-didakwa-amang-seksual-bayi-perempuan-10-bulan/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/penuntut-kolej-tak-mengaku-bersalah-amang-seksual-bayi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/penuntut-kolej-tak-mengaku-bersalah-amang-seksual-bayi/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/06/anak-pengasuh-mengaku-tak-salah-amang-seksual-bayi-10-bulan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/06/anak-pengasuh-mengaku-tak-salah-amang-seksual-bayi-10-bulan/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678867/berita/semasa/anak-pengasuh-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-bayi-10-bulan">https://www.sinarharian.com.my/article/678867/berita/semasa/anak-pengasuh-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-bayi-10-bulan</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/06/pelajar-hidap-kanser-dituduh-lakukan-amang-seksual-terhadap-bayi-10-bulan/">https://malaysiagazette.com/2024/08/06/pelajar-hidap-kanser-dituduh-lakukan-amang-seksual-terhadap-bayi-10-bulan/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119504/lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-bayi-perempuan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119504/lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-bayi-perempuan</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anak-pengasuh-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-bayi-10-bulan-482319">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anak-pengasuh-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-bayi-10-bulan-482319</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/anak-pengasuh-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-pada-bayi-10-bulan/">https://www.buletintv3.my/nasional/anak-pengasuh-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-pada-bayi-10-bulan/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

8.	<p><b>Warga emas ditahan dipercayai cabul kanak-kanak perempuan</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditahan-dipercayai-cabul-kanakkanak-perempuan-482401">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-ditahan-dipercayai-cabul-kanakkanak-perempuan-482401</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119716/warga-emas-ditahan-cabul-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1119716/warga-emas-ditahan-cabul-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1281419/polis-tahan-warga-emas-disyaki-cabul-kanak-kanak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1281419/polis-tahan-warga-emas-disyaki-cabul-kanak-kanak</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
9.	<p><b>Suami isteri warga emas ditemui rentung dalam bilik air</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/678899/berita/semasa-suami-isteri-warga-emas-ditemui-rentung-dalam-bilik-air">https://www.sinarharian.com.my/article/678899/berita/semasa-suami-isteri-warga-emas-ditemui-rentung-dalam-bilik-air</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=RMHIV9KK3uw">https://www.youtube.com/watch?v=RMHIV9KK3uw</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pasangan-warga-emas-rentung/">https://www.buletintv3.my/nasional/pasangan-warga-emas-rentung/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasangan-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-482349">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pasangan-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-482349</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/06/pasangan-warga-emas-ditemukan-rentung/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/06/pasangan-warga-emas-ditemukan-rentung/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/06/suami-isteri-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/06/suami-isteri-warga-emas-rentung-dalam-kebakaran-rumah</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>FMT</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
10.	<p><b>Rokok daun punca wanita warga emas ditemui rentung</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/06/rokok-daun-punca-wanita-warga-emas-ditemui-rentung/">https://malaysiagazette.com/2024/08/06/rokok-daun-punca-wanita-warga-emas-ditemui-rentung/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2326110">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2326110</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/kematian-wanita-warga-emas-dalam-kebakaran-tiada-unsur-jenayah-polis-BJ12824353">https://thesun.my/cerita/berita/kematian-wanita-warga-emas-dalam-kebakaran-tiada-unsur-jenayah-polis-BJ12824353</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## PENUBUHAN JPKK PENYELESAIAN TERBAIK TANGANI ISU KESELAMATAN, KEBAJIKAN KANAK-KANAK



Nancy Shukri merasmikan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak di KPWKM Putrajaya hari ini

PUTRAJAYA – Penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JKK) merupakan penyelesaian terbaik untuk menangani isu keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penubuhan jabatan itu dapat menjamin perkhidmatan yang berkualiti kepada kanak-kanak berlandaskan kepada lima teras utama iaitu pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian.

“Statistik pada 2023 menunjukkan bahawa 29 peratus penduduk Malaysia atau 9.19 juta orang adalah 11 terdiri daripada kanak-kanak dan ia secara tak langsung menekankan keperluan kerajaan untuk memainkan peranan aktif dalam memastikan hak kanak-kanak,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Perasmian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, di sini, hari ini.

Sementara itu, Nancy berkata, peningkatan kes penderaan yang membawa kepada kematian semakin meningkat dan membimbangkan.

Katanya, berdasarkan statistik sebanyak 48 peratus iaitu 1,275 kes adalah disebabkan kecuiaan ibu bapa, ikut teman lelaki (733 kes) dan perbalahan keluarga (572 kes).



Berikutan itu, jelasnya, ibu bapa perlu diberi pendedahan dengan mengikuti Program Keibubapaan.

“Inisiatif kami memperkenalkan modul modul Pendidikan membina dan menjaga anak-anak tidak memadai, tetapi program parenting dan advokasi ini kami akan tetap teruskan untuk ibu bapa dan keluarga dari masa ke semasa,” ujarnya. – MalaysiaGazette

## KPWKM BAWA ISU JKNS PENDEKKAN CUTI BERSALIN KE MESYUARAT KABINET ESOK



Nancy menyempurnakan Majlis Perasmian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK), di Putrajaya, hari ini. - NSTP/SAMADI AHMAD

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan membawa isu Jabatan Kesihatan Selangor (JKNS) meluluskan penetapan cuti bersalin dipendekkan daripada 90 kepada 60 hari bagi pegawai perubatan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat, ke mesyuarat Kabinet, esok.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata beliau akan mengetengahkan perkara itu pada mesyuarat berkenaan bagi memastikan ia diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Justeru, beliau berkata, pihaknya akan mengumpulkan semua butiran dan maklumat yang diperlukan untuk pembentangan kepada Kabinet nanti.

"Pihak yang terbabit dalam tindakan mengurangkan tempoh cuti itu disarankan mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK), di sini, hari ini.

Sabtu lalu, media melaporkan Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Ummi Kalthom Shamsudin, berkata keputusan **meluluskan penetapan** cuti bersalin selama 60 hari saja berikutan kekurangan pegawai perubatan di PKD Hulu Langat, telah dipersetujui oleh semua ketua klinik di daerah itu.

Dr Ummy Kalthom dipetik berkata, keputusan itu dicapai dengan mengambil kira terdapat tujuh pegawai perubatan cuti bersalin serentak di beberapa klinik kesihatan sepanjang Jun dan Julai lalu, selain beberapa pegawai perubatan yang diarahkan melapor diri ke PKD Hulu Langat telah menolak penempatan diberikan.

Beliau berkata, sekiranya langkah mengehendkan tempoh cuti bersalin seperti yang dilaporkan itu tidak diambil, ia akan menambah beban kerja dan tekanan tambahan kepada petugas kesihatan yang berkhidmat demi memenuhi keperluan kesihatan orang ramai.

Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, semalam bagaimanapun dilapor menyifatkan penetapan cuti bersalin hanya 60 hari atas alasan kekurangan pegawai perubatan itu sebagai amat mengecewakan.

Adnan dipetik berkata, JKNS sepatutnya membuat penyusunan petugas dan bukan menafikan kebajikan yang sepatutnya dinikmati penjawat awam.

## **URGENT NEED TO FOCUS ON EARLY CHILDHOOD EDUCATION**

WHILE childcare centres and their supervision remain under the radar of the Women, Family and Community Development Ministry, its minister Datuk Seri Nancy Shukri highlighted recently the importance of childcare training and early childhood education (ECE) as being crucial for ensuring competency and quality care at childcare centres in Malaysia.

However, the World Bank Malaysia Economic Monitor reported in April 2024,

“Malaysia’s long term growth prospects depend critically on bolstering its human capital by improving learning outcomes for children,” according to the report titled “Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills”.

The report concluded that advanced skills depend fundamentally upon strong foundational skills, which are developed through high-quality ECE and primary education.

What then is the simple definition of ECE?

In Malaysia, ECE is divided into two groups, children under the age of four attend nurseries or childcare centres known as “taska”, while children aged five to six attend preschools. Unfortunately, problems arise as the Social Welfare Department comes under the Women, Family and Community Development Ministry whereas the Education Ministry oversees preschools. Problems arise due to a lack of coordination between the two.



The Statistics Department revealed in 2022 that there were 9.19 million children under the age of 18 in Malaysia. There are many challenges to being a childhood educator in Malaysia and for that reason, many children are deprived of ECE.

A 2018 urban child poverty report done by the United Nations Children's Fund on low cost flats in KL revealed that 51% of children aged five and six were not attending preschool. As this was pre-Covid, one can only conclude the figures might be worse now, as low income families struggle to regain economic stability.

Another other pressing issue is the number of fatalities reported in the media involving young children being left unattended at home while their parents were at work, which exposes the underlying issue of the lack of childcare centres catering to parents who both work to provide for their families.

Association of Registered Childcare Providers Malaysia former president and Toy Libraries Malaysia president Wong Poai Hong has spent more than 30 years in the ECE sector, and believes strongly in the importance of providing adequate childcare centres that not only provide ECE but also a safe environment for young children.

She said: "With so many women entering the workforce due to the need to contribute to the household income, the critical question arises: 'Who is caring for the children of Malaysia?'"

"With just 3,032 registered childcare centres (taska) throughout Malaysia, it is clear the majority of our children are in unregistered care centres, that are usually home based.

"In 2000, the Performance Management and Delivery Unit on Early Childhood Care and Education predicted Malaysia needed 25,000 childcare centres by 2025.

"We are way off the target, partially because of the pandemic, during which almost 50% of such centres closed. In fact, Malaysia has the lowest rate of enrolment of childcare in the Asean region," she added.

According to Wong, there are currently no childcare subsidies. So, childcare becomes unaffordable, leaving many children in the care of unregistered baby sitters.

Another aspect that continues to be a thorn in the side of those wanting to open a childcare centre is the licensing issue with local councils, prompting many to operate illegally.

"The Childcare Centres Act 1984 is 40 years old and outdated and needs urgent review. New forms of childcare have emerged, including childcare on call and

playgroups. Thus, there is an urgent need to review, streamline and expedite learning processes,” Wong added.

Infant and Early Childhood Mental Health specialist for the “Global Leaders for Young Children” project by the World Forum Foundation, Dr Nik Raihan Mohamed, has studied the importance of ECE and its impact on learning for children aged one to eight.

“Early childhood development, which encompasses the period from birth to eight years old, is critically important due to the rapid brain development that occurs during that time. Learning begins even before birth, with significant brain growth and neural connections forming at an astonishing rate.

“Children learn how to learn during their early years, primarily through play. Such activity with caregivers or parents stimulates brain development by enhancing cognitive skills, developing language and communication development, encouraging physical development and building strong relationships.

“Malaysia at the moment does not have enough registered childcare centres in Malaysia, let alone quality ones,” she added.

“To compensate for the lack of childcare centres, toy libraries were set up in poor communities by widening their access to a range of toys that families could not otherwise afford.

“Additionally, toy libraries offer valuable resources for parents and home based baby sitters.

Association of Registered Childcare Providers Malaysia president Norsheila Abdullah said the different types of childcare centres must register according to Childcare Centre Act,

“The government needs to step in and provide subsidies to registered childcare centres or to all parents who send their children to registered childcare centres.

## **KANAK-KANAK 12 TAHUN PANDU KERETA, BAPA DITUDUH ESOK**

Selangor: Bapa dan anaknya yang memandu kereta dengan membawa dua adik di kawasan perumahan, hingga video mengenainya tular di media sosial, akan didakwa di Mahkamah Selangor, esok.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Wan Kamarul Azran Wan Yusof berkata, bapa berusia 53 tahun itu akan menghadapi [pertuduhan](#) mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-kanak 2001 dan Seksyen 39 (5) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Anaknya berusia 12 tahun pula akan dituduh mengikut Seksyen 39 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39(5) Akta Pengangkutan 1987," katanya dalam kenyataan hari ini.

Media sebelum ini melaporkan polis mengambil keterangan bapa kepada kanak-kanak lelaki yang memandu kereta dengan membawa dua adiknya di kawasan Taman Putra Impiana di Puchong.

Wan Kamarul dilaporkan berkata, lelaki itu hadir ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang untuk memberi [keterangan](#) pada 11.30 malam, 29 Julai lalu.

Terdahulu tular [rakaman video](#) berdurasi satu minit 49 saat memaparkan seorang wanita menahan kereta jenis Perodua Viva yang dipandu seorang remaja lelaki dan turut dinaiki dua kanak-kanak.

Menerusi rakaman itu, kereta terbabit dipandu agak laju ketika melalui bonggol di depan sebuah rumah sebelum diarah oleh wanita berkenaan supaya memberhentikan kenderaan.

## **POLIS SIASAT MOTIF CULIK KANAK-KANAK MUNGKIN KERANA PEDOFILIA**

Johor Bahru: Siasatan kes penculikan kanak-kanak enam tahun di Eco Galleria, Iskandar Puteri dekat sini, pada 20 Julai lalu, kini menjurus kepada kemungkinan ia bermotifkan isu pedofilia.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar berkata, siasatan diteruskan dengan menjurus ke arah itu selepas penemuan pelbagai peralatan seks di kediaman suspek di Kulai.

Beliau berkata, pihaknya yakin dapat mengenal pasti motif sebenar penculikan itu dalam masa terdekat.

"Kita telah menjumpai petunjuk baharu dalam kes ini iaitu penemuan pelbagai peralatan seks dan fokus kita sekarang menjurus kepada penemuan itu.

"Proses siasatan ini masih berjalan dan kita harap dapat mengenal pasti motif kejadian dalam masa terdekat," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, hari ini.

Pada masa sama, Kumar berkata, walaupun tangkapan semula dibuat terhadap suspek berusia 31 tahun itu mengikut seksyen yang baharu, siasatan menggunakan Seksyen 364 Kanun Keseksaan sebelum ini masih diteruskan.

Beliau turut menafikan, laporan berhubung kes penculikan itu ditarik balik.

"Salah satu seksyen yang kita siasat ialah Seksyen 365 Kanun Keseksaan kerana melarikan orang dan hasil siasatan mendapati tiada sebarang wang tebusan diminta.

"Tetapi, bagi tangkapan semula ini, ia kerana hasil soal siasat kita menjumpai beberapa peralatan seks yang mewajarkan siasatan mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 diteruskan.

"Tiada tarik balik laporan dan proses siasatan dijalankan seperti biasa," katanya yang mengesahkan suspek itu bergerak seorang diri tidak membabitkan mana-mana kumpulan suspek lain.

Ditanya mengenai sama ada kanak-kanak itu akan dihantar semula untuk pemeriksaan kesihatan lanjut, Kumar berkata, tiada kewajaran ia perlu dibuat memandangkan pemeriksaan menyeluruh sudah dilakukan pakar perubatan sejurus kanak-kanak itu ditemui.

"Selepas kita menjumpai mangsa, mangsa sudah dihantar untuk pemeriksaan menyeluruh oleh doktor pakar dan telah disahkan sihat dan selamat.

"Jadi, saya tidak nampak kewajaran untuk menghantar semula mangsa untuk pemeriksaan perubatan. Trauma itu sudah pastilah, tetapi dari segi kesihatan lain, dia (mangsa) baik," jelasnya.

Semalam, suspek utama kes penculikan itu yang ditahan semula kelmarin, direman enam hari sehingga Sabtu ini mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan Seksyen 292 Kanun Keseksaan.

Kelmarin, Kumar dilaporkan berkata, polis membuat tangkapan semula ke atas suspek itu susulan penemuan pelbagai alat mainan seks, bahan pornografi dewasa dan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak di kediaman suspek dekat Kulai.

Tempoh reman suspek yang keseluruhannya selama 13 hari bagi siasatan kes penculikan mengikut Seksyen 365 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 tamat kelmarin dan suspek dibebaskan dengan jaminan polis sebelum tangkapan semula dibuat.

Lelaki itu adalah suspek kelima yang ditahan susulan kes penculikan Albertine Leo yang dilaporkan hilang di Eco Galleria, Iskandar Puteri, 20 Julai lalu.

Suspek ditahan kira-kira jam 4.45 pagi, 23 Julai lalu, di sebuah hotel murah dekat Batang Kali, Selangor, ketika polis menyelamatkan kanak-kanak perempuan berkenaan di lokasi itu.

Empat suspek lain berusia 28 hingga 55 tahun yang ditahan sebelum itu direman empat hari sehingga 26 Julai lalu, sebelum dibebaskan dengan jaminan polis dan tempoh reman terhadap mereka tidak disambung.

## **PENUNTUT KOLEJ DIDAKWA AMANG SEKSUAL BAYI PEREMPUAN 10 BULAN**

KUALA LUMPUR – Seorang penuntut kolej didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang bayi berusia 10 bulan, bulan lalu.

Bagaimanapun tertuduh yang berusia 20 tahun itu tidak mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Mohd. Kafli Che Ali.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang bayi perempuan di sebuah rumah di Jalan Hamzah Kampung Baru, di sini pukul 10 pagi, 31 Julai lalu.

Justeru pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Tertuduh merupakan anak angkat kepada pengasuh bayi berkenaan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Shakira Aliana Alias mencadangkan jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan tertuduh tidak mengganggu mangsa, keluarga dan saksi-saksi kejadian, melapor diri di balai polis berdekatan sekali setiap bulan sehingga kes selesai.

Namun peguam bela, Azi Azlin Zulkifli yang mewakili tertuduh merayu jumlah jaminan yang rendah diberikan kepada anak guamnya atas alasan tertuduh masih belajar dan menghidap penyakit kanser leukemia.

“Saya percaya bahawa berdasarkan kesihatan tertuduh, wajar untuk mahkamah berikan satu jamin yang paling minima dan tertuduh masih belum didapati bersalah,” kata Azi Azlin.

Selepas mendengar makluman kedua-dua belah pihak, Hakim Mohd. Kafli kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 berserta syarat tambahan seperti dipohon pihak pendakwa.

Tarikh 24 September ini ditetapkan sebutan semula kes. – KOSMO! ONLINE

## **WARGA EMAS DITAHAN DIPERCAYAI CABUL KANAK-KANAK PEREMPUAN**

**BAGAN DATUK:** Polis menahan seorang lelaki warga emas berusia 71 tahun yang



dipercayai terlibat dalam kes cabul seorang kanak-kanak perempuan di sebuah rumah dekat Kampung Sungai Pulau, Sungai Sumun, di sini.

Menurut Ketua Polis Perak Datuk Azizi Mat Aris, difahamkan suspek tersebut merupakan suami kepada bekas pengasuh mangsa.

Menurutnya lagi, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bagan Datuk menerima laporan berhubung kejadian itu daripada ibu mangsa pada 6 Ogos.

"Seorang wanita warga tempatan berusia 39 tahun memaklumkan anaknya berusia 10 tahun telah dicabul oleh seorang lelaki warga tempatan yang merupakan suami kepada bekas pengasuh di sebuah rumah.

"Susulan itu, pada hari sama iaitu Selasa, jam sekitar 5 petang, Bahagian Siasatan Jenayah IPD Bagan Datuk berjaya menahan suspek warga emas yang dipercayai terlibat dalam kes ini bagi membantu siasatan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan malam tadi.

Azizi menambah, polis memandang serius kejadian itu dan menyeru orang ramai supaya tidak melakukan sebarang perbuatan yang salah di sisi undang-undang.

Sehubungan itu, katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebatan.

## **SUAMI ISTERI WARGA EMAS DITEMUI RENTUNG DALAM BILIK AIR**



Kedua-dua mangsa dijumpai rentung pada jam 12.15 tengah hari di kawasan bilik mandi.

MIRI - Sepasang suami isteri warga emas ditemukan rentung dalam kebakaran sebuah rumah dua tingkat di Kampung Pangkalan Lutong di sini pagi Selasa.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, mangsa dikenali sebagai Abdullah Nassa berusia 77 tahun dan isterinya Jaimah Badar, 64.

"Kedua-dua mangsa dijumpai rentung pada jam 12.15 tengah hari di kawasan bilik mandi. Mangsa diserahkan kepada pihak polis pada jam 1.15 petang," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, bomba menerima panggilan kecemasan pada jam 10.55 pagi sebelum pasukan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lutong dan BBP Lopeng digerakkan ke lokasi.

Menurut jurucakap itu, api berjaya dikawal pada jam 11.30 pagi dan rumah berkenaan terbakar 100 peratus.

Sementara itu, seorang anggota polis dan enam ahli keluarganya terselamat dalam kebakaran yang memusnahkan kuarters kediaman mereka di Ibu Pejabat Polis Daerah Miri, petang semalam.

Menurut jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira 7.10 petang sebelum sepasukan 14 anggota bomba dari BBP Miri Sentral bersama jentera ke tempat kejadian.

Kediaman diduduki Mac Rayston Patrick bersama isteri dan lima anaknya di tingkat tiga kuarters berkenaan musnah 80 peratus dalam kebakaran itu.- Bernama